

SENYUMANMU TAWAN HATIKU

■ Penuntut UPM Serdang tertarik jadikan Leopard Gecko sebagai haiwan peliharaan

Suliat Asri
suliat@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Unik, berwarna-warni dan sentiasa tersenyum. Itu, antara tarikan si comel Leopard Gecko atau nama saintifiknya Eublepharis Macularius yang membuatkan Nur Aimi Mohd Zabidi, 25, menjadikan spesies reptilia itu sebagai haiwan peliharaan.

Penjagaannya yang mudah dan tidak menyebarkan sebarang penyakit kepada manusia juga antara yang membuatkan penuntut jurusan Ijazah Sarjana Muda Pertanian Akuakultur Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang itu membela spesies cicak yang berasal dari Afghanistan.

“Sesuatu yang menarik mengenai Leopard Gecko ini, ia adalah spesies cicak yang sangat mudah dijaga, tidak memerlukan kos penjagaan yang tinggi dan paling menarik hati, ia suka tersenyum.

“Mukanya yang sentiasa mengukir senyuman menghilangkan tekanan yang dirasakan selain ia juga adalah cicak, yang sangat cool terutama jika sudah berusia,” katanya.

Mula membela Leopard Gecko sejak berusia 18 tahun, kata Aimi, dia sememangnya sukakan haiwan reptilia sejak kecil lagi.

Namun, untuk menjadikan ia binatang peliharaan, Aimi melakukan banyak kajian serta bertanya dan Leopard Gecko adalah haiwan reptilia yang tidak memerlukan kos penjagaan mahal bersesuaian dengan keadaan kewangannya ketika itu.

“Pada mulanya, keluarga tidak bersetuju kerana mereka geli dan takut dengan Leopard Gecko ini. Jadi, saya mula memeliharanya tanpa pengetahuan keluarga ketika tinggal di asrama.

“Apabila keluarga sudah tidak takut dan boleh berinteraksi dengannya, barulah saya semakin agresif mengumpul dan membiakkan Leopard Gecko ini,” katanya yang kini memelihara 50 ekor Leopard Gecko.

Aimi pernah membela sehingga 400 Leopard Gecko, pelbagai warna yang dibiakkan sendiri. Bagaimanapun, sebahagian daripada simpanannya itu dijual kepada pengumpul haiwan peliharaan daripada pelbagai peringkat usia termasuk kanak-kanak.

Bercerita mengenai gelagat mencuit hati Leopard Gecko yang sentiasa dirindui, kata Aimi, sikap haiwan itu yang tenang dan mudah tersenyum membuatkan ia tidak betah jika lama tidak

melihat mereka.

“Melihat kepada ketenangan dan senyuman Leopard Gecko ini, besar mana masalah yang dihadapi, ia bagai hilang sebaik bermain dan bercakap-cakap dengan mereka.

“Jangan terkejut, Leopard Gecko ini juga pandai merajuk lebih-lebih bila lambat diberi makan atau lama tidak menjenguknya. Ia akan mencakar-cakar bekas makanannya sebagai tanda protes atau mogok makan kalau saya lama tidak pulang,” katanya yang hanya memberikan Leopard Gecko ini makan ulat roti dan spesies cengkerik yang diimport serta kalsium.

Tambahnya, ramai yang beranggapan Leopard Gecko ini adalah cicak tokek kerana seluruh badannya berbintik-bintik. Namun, leopard gecko dan cicak tokek ini tidak sama.

“Leopard Gecko ini adalah spesies cicak yang berasal dari Afghanistan dan ia mempunyai kuku serta tidak mengeluarkan bunyi.

“Ia juga tidak memanjat di dinding seperti mana cicak biasa di rumah,” katanya yang suka Leopard Gecko tetapi geli dengan



cicak yang terdapat di rumah.

Menurut Aimi, bagi membela Leopard Gecko ini, tidak banyak kos yang diperlukan serta penjagaannya juga cukup mudah kerana apa yang penting adalah makan dan minumnya serta tempat yang gelap untuknya menyorok.

“Untuk seekor Leopard Gecko, kos makannya

hanya RM2-RM5 seminggu dan dalam sebulan, saya hanya akan membelanjakan lebih kurang RM20 untuk makanan 50 ekor,” katanya.




NUR Aimi bersama cicak gecko yang dipeliharanya.




Untuk video layari
www.hmetro.com.my/mymetrotv

NUR Aimi (kiri) menunjukkan cicak gecko disimpan dalam bekas di Sutra Shoppe Subang, Komersial Arena Bintang, Seksyen US, Shah Alam.



LEOPARD Gecko makan dua atau tiga kali seminggu dan menyimpan lemaknya di ekor sebagai bekalan.



CICAK gecko yang bunting.



PENTERNAK itik Mohd Soaud@Saamah bersama anaknya mengutip telur itik yang ditanam di Kampung Permatang Pasir, Pekan.

Pekan: Minat terhadap ternakan mendorong warga emas, Mohd Soaud@Saamah Md Yusof, 64, memelihara itik telur untuk jualan segar, selain dijadikan telur asin bagi pasaran tempatan.

Dia yang memelihara itik di Kampung Permatang Pasir, di sini, mempunyai sebanyak 60 itik telur berkualiti tinggi yang mampu menghasilkan telur setiap hari dalam tempoh dua tahun.

Mohd Soaud@Saamah berkata, itik memerlukan makanan khas yang diberikan dua kali sehari pagi dan petang, selain makanan tambahan seperti nasi dimasak dengan ikan bilis.

Katanya, pengeluaran telur mencapai seratus peratus setiap hari iaitu 55 hingga 60 biji dengan saiz lebih besar dan menarik yang dapat memenuhi kehendak pengguna.

"Permintaan terhadap telur segar dan telur

'Proses' 60 biji telur asin sehari

asin begitu menggalakkan, pengguna membuat tempahan beberapa hari sebelum berpeluang mendapatkannya. Harga berpatutan selain kualiti telur menjadi faktor pengguna berminat.

"Itik mula bertelur apabila mencapai usia enam bulan dan selepas dua tahun pengeluaran telur akan menurun, itik sudah boleh dijual dengan harga RM12 seekor," katanya yang menetap di perumahan Taman Permata, di sini.

Lelaki warga emas yang sebelum ini pernah memelihara 400 itik berkata, ancaman ular sawa dan biawak

menyebabkan mengambil keputusan mengurangkan kepada 60 ekor kerana dalam tempoh tiga tahun, sebanyak 11 ular sawa paya berjaya ditangkap.

Pesara Jabatan Bekalan Air (JBA) Pahang itu berkata, anak itik dibeli dengan harga RM3.90 seekor dan ia memerlukan makanan yang cukup setiap hari bagi memastikan bertelur pada waktu malam.

"Saya menggunakan lampu cahaya putih berkuasa solar sebagai rangsangan kepada itik untuk bertelur pada waktu malam, aktiviti

mengutip telur dan membersihkannya dilakukan pada sebelah pagi.

"Anak bongsu, Suzielah, 22, yang kini menuntut di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor, akan membantu memungut telur termasuk menghasilkan telur asin," katanya bercadang menambah jumlah itik pada masa akan datang.

Mohd Soaud@Saamah berkata, harga pallet yang meningkat kini memaksanya menghasilkan

makanan berupa campuran nasi, lebih ikan bilis dan beberapa bahan lain yang mengandungi protein tinggi sebagai penggalak pengeluaran telur. Sementara itu, Suzielah berkata, masa terluang digunakan untuk membantu bapanya menguruskan projek ternakan itik yang diusahakan sejak tiga tahun lalu.

"Saya minat membantu mengutip telur dan menghasilkan telur asin, tekanan belajar hilang melihat itik bebas makan dan mandi dalam paya," katanya.



SUZIELAH membantu bapanya menghasilkan telur asin.